

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13/12/2018

Laporan 100 hari pentadbiran PH hanya untuk PM

UM - 13/12/2018 m/s: 12

KUALA LUMPUR 12 Dis. - Kerajaan buat masa ini tidak berancang mempamerkan keputusan laporan 100 hari pentadbiran Pakatan Harapan (PH) kepada umum.

Ini kerana laporan yang disediakan oleh Majlis Penasihat Kerajaan itu hanya dikhaskan untuk pengetahuan Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sahaja.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mohamed Hanipa Maidin memaklumkan,



MUSTAPA KAMAL

laporan berkenaan mengandungi hasil siasatan dan rumusan akhir majlis tersebut setelah berlaku peralihan kuasa untuk tindakan pembedahan.

“Setakat ini segala yang mereka dapat termasuk input-input telah pun dilaporkan

tetapi hanya kepada Perdana Menteri sahaja.

“Bagaimanapun, saya rasa dalam suasana Malaysia bahu ini mana-mana pihak boleh

kemukakan cadangan laporan perlu dipamerkan kepada awam, namun keputusan akhir di tangan kerajaan,” katanya dalam sesi soal jawab lisan ddalam sidang Dewan Negara hari ini.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Datuk Mustapa Kamal Mohd. Yusof yang meminta kerajaan menjelaskan pendirian berkenaan laporan 100 hari PH sama ada mahu didedahkan kepada umum atau tidak.

Mohamed Hanipa berkata, Majlis Penasihat Kerajaan ditubuhkan bagi memberi nasihat kepada kerajaan baharu PH

yang rata-rata tidak memiliki pengalaman mentadbir sebuah negara.

Ujarnya, majlis berkenaan telah tamat melaksanakan tugas pada 19 Ogos lalu dan sehingga tarikh tersebut seramai 350 individu daripada 200 organisasi telah dijemput untuk memberi pandangan di peringkat akar umbi.

“Majlis Penasihat Kerajaan telah menubuhkan pasukan petugas khas mengkaji isu-isu berkaitan termasuk projek mega termasuk Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL). Ini semua bagi kembalikan kepercayaan rakyat,” katanya.